

**PENGEMASKINIAN TERMA DAN SYARAT  
BSN MYFIRST / BSN SMART JUNIOR**

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
<b>BAHAGIAN A. TERMA DAN SYARAT AM</b>		
1. Permohonan	1.1 Pelanggan perlu mempunyai akaun simpanan BSN (Amanah) untuk layak menyertai keahlian BSN MyFirst dan akaun simpanan BSN (Individu) untuk keahlian BSN Smart Junior ("BSJ").	1.1 Pelanggan perlu mempunyai akaun simpanan BSN (Amanah) untuk layak menyertai keahlian BSN MyFirst dan akaun simpanan BSN (Individu) untuk keahlian BSN Smart Junior (selepas ini dirujuk sebagai "BSJ").
	1.2 Permohonan keahlian BSN MyFirst / BSJ hendaklah dibuat melalui borang permohonan yang ditetapkan yang perlu dilengkapkan dan ditandatangani oleh pemohon / ibu / bapa / penjaga sah.	1.2 Permohonan keahlian BSN MyFirst atau BSJ hendaklah dibuat melalui borang permohonan yang ditetapkan oleh BSN yang perlu dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pelanggan atau ibu, bapa atau penjaga sah Pelanggan (tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di sini).
2. Deposit and Pengeluaran	2.1 Pelanggan hendaklah membuat deposit minimum permulaan seperti yang ditetapkan oleh pihak BSN.	2.1 Pelanggan hendaklah membuat deposit minimum permulaan seperti yang ditetapkan oleh pihak BSN dalam <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> (selepas ini dirujuk sebagai "Laman Web BSN").
	2.2 Pelanggan hanya dibenarkan untuk membuat pengeluaran sekali dalam sebulan daripada jumlah baki simpanan semasa dan tertakluk kepada baki minimum yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.	2.2 Pelanggan hanya dibenarkan untuk membuat pengeluaran sekali sahaja dalam sebulan daripada akaun simpanan BSN Giro/i (Amanah) atau BSN Giro/i (Individu) yang berkaitan, tertakluk kepada baki minimum yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa yang boleh didapati dalam Laman Web BSN.
3. Perubahan butiran Pelanggan	3.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan pihak Bank sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang dibenarkan atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan Bank, sekiranya gagal, pihak Bank berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui di dalam rekod Bank.	3.1 Pelanggan hendaklah dengan segera memaklumkan BSN akan sebarang pertukaran alamat, nombor untuk dihubungi, penandatanganan yang dibenarkan atau butiran lain dengan mengunjungi Cawangan BSN, yang mana sekiranya Pelanggan gagal berbuat demikian, BSN berhak untuk bergantung kepada butiran terakhir yang diketahui dalam rekod BSN.

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
4. Lain-lain terma dan syarat	<p>4.1 Dengan menyertai BSN MyFirst / BSJ, pelanggan bersetuju:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini, Terma dan Syarat Akaun Simpanan BSN / Akaun Simpanan Islamik BSN serta mana-mana Terma dan Syarat berkaitan yang dikenakan oleh BSN dari semasa ke semasa yang boleh didapati di <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a> (Laman Web BSN).</li> <li>b) Untuk mengakses Laman Web BSN secara berkala untuk memastikan pelanggan sentiasa dikemaskini dengan apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat.</li> <li>c) Membenarkan butiran peribadi pelanggan termasuk dan tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh BSN untuk tujuan BSN MyFirst / BSJ. Pelanggan juga bersetuju untuk terikat dengan Klausu Pendedahan Maklumat dan Data Peribadi Pelanggan sepertimana yang terkandung dalam Terma dan Syarat Akaun Simpanan BSN / Akaun Simpanan Islamik BSN serta Polisi Privasi yang boleh diakses di laman web Bank <a href="http://www.bsn.com.my">www.bsn.com.my</a>.</li> <li>d) BSN berhak mengubah, menghapus, menambah atau meminda mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan memberi notis minimum sekurang-kurangnya 21 hari kalendar. BSN boleh memberikan notis atau komunikasi kepada pelanggan dengan menyiarkannya di Laman Web BSN dan/atau cawangan BSN, melalui pos, melalui pemberitahuan di media massa, melalui penghantaran secara elektronik atau sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.</li> <li>e) Sekiranya terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan atau berhubung</li> </ul>	<p>4.1 Dengan menyertai keahlian BSN MyFirst atau BSJ, Pelanggan (atau ibu, bapa atau penjaga sah Pelanggan, bagi pihak Pelanggan) bersetuju:-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat Akaun Simpanan BSN atau Akaun Simpanan Islamik BSN serta mana-mana Terma dan Syarat berkaitan yang ditetapkan oleh BSN dari semasa ke semasa (selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai "Terma dan Syarat Berkaitan") yang boleh didapati dalam Laman Web BSN;</li> <li>b) Untuk mengakses Laman Web BSN secara berkala untuk memastikan Pelanggan sentiasa maklum akan apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada Terma dan Syarat Berkaitan; dan</li> <li>c) Untuk menyertai atau memberikan kebenaran kepada Pelanggan untuk menyertai sebarang program yang dianjurkan oleh BSN berkenaan BSN MyFirst atau BSJ.</li> </ul> <p>4.2 Pelanggan (atau ibu, bapa atau penjaga sah Pelanggan, bagi pihak Pelanggan) selanjutnya bersetuju seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) membenarkan butiran peribadi Pelanggan termasuk dan tidak terhad kepada data peribadi atau maklumat Pelanggan, seperti nama, gambar, rakaman video atau lain-lain butiran Pelanggan, dikumpulkan, diproses, digunakan, diterbitkan dan/atau dipaparkan oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh BSN;</li> <li>b) Kebenaran yang dinyatakan di bawah klausa ini adalah untuk apa-apa tujuan, urusan dan/atau operasi BSN berkenaan keahlian BSN MyFirst atau BSJ, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengiklanan, promosi dan/atau penganjuran program (termasuk penerbitan laporan berkenaan program tersebut) berkenaan BSN MyFirst atau BSJ dalam apa-apa cara yang difikirkan sesuai oleh BSN dan/atau penyedia perkhidmatan yang diberikuasa oleh</li> </ul>

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
	<p>dengan BSN MyFirst / BSJ, Terma dan Syarat terkini di Laman Web BSN akan diutamakan.</p> <p>f) Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.</p>	<p>BSN; dan</p> <p>c) Bagi tujuan yang dinyatakan di atas, BSN dan Pelanggan (atau ibu, bapa atau penjaga sah Pelanggan, bagi pihak Pelanggan) bersetuju untuk terikat dengan Klausa Pendedahan Maklumat dan Data Peribadi Pelanggan sepertimana yang terkandung dalam Terma dan Syarat Berkaitan serta Polisi Privasi yang boleh diakses dalam Laman Web BSN.</p> <p>4.3 BSN berhak mengubah, memansuh, menambah atau meminda mana-mana Terma dan Syarat yang terkandung di sini, secara keseluruhan atau sebahagiannya, dengan memberi notis sekurang- kurangnya dua puluh satu (21) hari kalendar. Bagi tujuan tersebut, BSN boleh memberikan notis atau komunikasi kepada Pelanggan dengan menyiarkannya dalam Laman Web BSN, meletakkan notis di Cawangan BSN, menghantar notis melalui pos, melalui pemberitahuan dalam media massa, melalui penghantaran notis secara elektronik atau sebarang kaedah lain yang dianggap sesuai oleh BSN.</p> <p>4.4 Sekiranya terdapat percanggahan di antara Terma dan Syarat Berkaitan dengan bahan pengiklanan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan atau berhubung dengan BSN MyFirst atau BSJ, Terma dan Syarat Berkaitan terkini dalam Laman Web BSN akan diutamakan.</p> <p>4.5 Terma dan Syarat ini adalah ditadbir oleh dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.</p>
<b>BAHAGIAN B. TERMA DAN SYARAT KHUSUS (BSN MYFIRST)</b>		
1. Kelayakan	1.1 Kanak-kanak berumur satu (1) hari sehingga di bawah tujuh (7) tahun adalah layak untuk membuka BSN MyFirst bersama ibu / bapa / penjaga sah yang berumur lapan belas (18) tahun ke atas.	1.1 Kanak-kanak berumur satu (1) hari hingga bawah tujuh (7) tahun yang mempunyai akaun simpanan BSN (Amanah) bersama ibu, bapa atau penjaga sah mereka yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas (sebagai pemegang amanah) adalah layak untuk memohon bagi keahlian BSN

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
		MyFirst.
2. Penamatan	2.1 Penamatan dibenarkan atas permintaan pelanggan selepas satu (1) tahun mendaftar dengan melengkapkan borang penamatan seperti yang dinyatakan oleh BSN.	2.1 Penamatan keahlian BSN MyFirst dibenarkan atas permintaan Pelanggan (diwakili oleh ibu, bapa atau penjaga sah Pelanggan, bagi pihak Pelanggan) selepas satu (1) tahun mendaftar dengan melengkapkan borang penamatan seperti yang ditetapkan oleh BSN.
3. Kanak-kanak mencapai umur 7 tahun	<p>3.1 BSN Myfirst akan ditukarkan kepada keahlian BSJ apabila kanak-kanak telah mencapai umur tujuh (7) tahun dan akaun pelanggan akan kekal di bawah akaun amanah.</p> <p>3.2 Pelanggan akan ditadbir di bawah Terma dan Syarat BSJ dan mana-mana Terma dan Syarat berkaitan yang ditetapkan oleh BSN.</p> <p>3.3. Pelanggan boleh atas permintaan untuk menukar akaun Amanah kepada akaun Individu di mana-mana Cawangan BSN dan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang mentadbir pembukaan akaun seperti yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa.</p> <p>3.4. Pelanggan perlu mengemaskini maklumat persekolahan seperti nama sekolah, alamat sekolah atau sebarang maklumat yang berkaitan di mana-mana Cawangan BSN.</p>	<p>3.1. Keahlian BSN Myfirst Pelanggan akan ditukarkan secara automatik oleh BSN kepada keahlian BSJ apabila Pelanggan telah mencapai umur tujuh (7) tahun. Walau bagaimanapun, akaun Pelanggan akan kekal sebagai akaun simpanan BSN Giro/i (Amanah).</p> <p>3.2. Setelah akaun BSN MyFirst Pelanggan ditukar kepada keahlian BSJ, Pelanggan adalah terikat dengan Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan mana-mana Terma dan Syarat berkaitan yang ditetapkan oleh BSN yang boleh didapati dalam Laman Web BSN.</p> <p>3.3. Pelanggan boleh atas permintaan untuk menukar akaun simpanan BSN Giro/i (Amanah) kepada akaun simpanan BSN Giro/i (Individu) di mana-mana Cawangan BSN dan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang berkaitan dengan pembukaan akaun simpanan BSN Giro/i (Individu) seperti yang ditentukan oleh BSN dari semasa ke semasa yang boleh didapati dalam Laman Web BSN.</p> <p>3.4. Apabila berlaku perubahan pada maklumat persekolahan Pelanggan seperti nama sekolah, alamat sekolah atau sebarang maklumat yang berkaitan, Pelanggan hendaklah mengemas kini maklumat yang terkini dalam tempoh empat belas hari (14) hari daripada tarikh perubahan tersebut di mana-mana Cawangan BSN.</p>

KLAUSA	SEDIA ADA	DIKEMAS KINI
<b>BAHAGIAN B. TERMA DAN SYARAT KHUSUS (BSN SMART JUNIOR)</b>		
1. Kelayakan	1.1. Semua warganegara Malaysia berumur di antara tujuh (7) sehingga dua puluh (20) tahun adalah layak untuk menyertai BSJ ("Ahli BSJ").	1.1. Semua warganegara Malaysia berumur di antara tujuh (7) sehingga dua puluh (20) tahun yang mempunyai akaun simpanan BSN Giro/i (Individu) adalah layak untuk menyertai BSJ ("Ahli BSJ").
2. Amaun pembekuan	2.1. Amaun simpanan minimum akan dibekukan oleh BSN sehingga Ahli BSJ mencapai umur 21 tahun atau Ketika penamatan keahlian BSJ.	2.1. Amaun simpanan minimum akan dibekukan oleh BSN: a) Sehingga Ahli BSJ mencapai umur dua puluh satu (21) tahun; atau b) Apabila berlaku penamatan awal keahlian BSJ sebelum Ahli BSJ mencapai umur dua puluh satu (21) tahun.
3. Penamatan keahlian BSJ	3.1. Keahlian BSJ boleh ditamatkan berdasarkan kepada keadaan berikut:- a) Atas permintaan Ahli BSJ selepas satu (1) tahun menjadi ahli BSJ; b) Apabila Ahli BSJ telah mencapai umur 21 tahun di mana keahlian akan ditamatkan secara automatik.	3.1. Keahlian BSJ boleh ditamatkan berdasarkan kepada keadaan berikut:- a) Atas permintaan Ahli BSJ selepas satu (1) tahun menjadi Ahli BSJ (diwakili oleh ibu, bapa atau penjaga sah Ahli BSJ, bagi Ahli BSJ di bawah umur lapan belas (18) tahun); atau b) Apabila Ahli BSJ telah mencapai umur dua puluh satu (21) tahun yang mana keahlian BSJ akan ditamatkan secara automatik.
	3.2 Ahli BSJ hendaklah melengkapkan borang penamatan ahli dan bagi Ahli BSJ yang berumur di bawah 18 tahun, borang penamatan hendaklah ditandatangani oleh ibu / bapa / penjaga sah.	3.2. Ahli BSJ hendaklah melengkapkan borang penamatan ahli, akan tetapi bagi Ahli BSJ yang berumur di bawah lapan belas (18) tahun, borang penamatan hendaklah ditandatangani oleh ibu, bapa atau penjaga sah Ahli BSJ.
	3.3 Ketika penamatan keahlian BSJ, kadar pulangan bagi Ahli BSJ akan ditukar secara automatik kepada kadar pulangan akaun simpanan BSN yang normal.	3.3. Berikutan daripada penamatan keahlian BSJ yang dibutirkan dalam Klausula 3.1 (a) dan Klausula 3.2 di atas, akaun Pelanggan akan kekal sebagai Akaun BSN Giro/-i.